

RESPON MUALLAF TERHADAP PENDIDIKAN DAN LATIHAN AMALI YANG DILAKSANAKAN OLEH INSTITUT DAKWAH ISLAMIAH PERKIM, KOTA BHARU KELANTAN

Razaleigh Muhamat@Kawangit
Marlon Pontino Guleng

Abstrak

Penubuhan Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) yang terletak di Pengkalan Chepa, Kelantan merupakan usaha murni PERKIM Pusat dalam membantu dan membimbing dalam meningkatkan pengetahuan dan penghayatan beragama di kalangan *muallaf*. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk pendidikan serta latihan amali yang dilaksanakan oleh IDIP dalam mendidik dan melatih golongan ini. Metodologi kajian adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan terhadap 100 responden *muallaf* di IDIP Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan. Soal selidik telah diedarkan menggunakan persampelan rawak mudah. Data yang diperoleh diproses dan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences* versi 20. Hasil kajian menunjukkan majoriti *muallaf* di IDIP adalah bujang, perempuan, berumur 19-25 tahun, berbangsa etnik Sabah, tempoh memeluk Islam 2-3 tahun dan berkelulusan SPM/PMR/SRP. Dapatan kajian berkaitan pendidikan dan latihan amali yang dilaksanakan oleh IDIP terhadap golongan *muallaf* memberikan keputusan yang positif. Kajian ini memberi implikasi yang baik bagi memperbaiki sistem pendidikan dan latihan amali yang dilaksanakan terhadap golongan *muallaf* di negara kita.

Kata Kunci: *Institut Dakwah Islamiah PERKIM, Muallaf, Pendidikan, Latihan Amali*

PENDAHULUAN

Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) telah ditubuhkan pada akhir tahun 1961, bertempat di sebuah rumah banglo dua tingkat, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Ia bermula sebagai sebuah pusat latihan yang dinamakan Pusat Latihan Mubaligh Darul Arqam, bagi memenuhi keperluan PERKIM untuk melahirkan para mubaligh yang boleh menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat bukan Islam. Seramai 24 orang pelajar telah diambil sebagai kumpulan perintis yang terdiri kebanyakannya daripada anak-anak Melayu lepasan Universiti Indonesia dan India, di samping sekumpulan pelajar dari Korea Muslim Federation. Pada tahun 1963, pusat ini terpaksa diberhentikan kerana masalah yang dihadapi oleh PERKIM pada ketika itu. Pada tahun 1975, pusat latihan ini diwujudkan semula dan dipindahkan di No. 250-D, Balai Islam, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur dengan nama Pusat Latihan Agama PERKIM. Pada

tahun 1976, pusat latihan ini dipindahkan ke Wisma Selangor, Jalan Universiti, Petaling Jaya, Selangor. Pada tahun 1979, pusat ini sekali lagi bertukar nama kepada Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). Institut ini berpindah ke Taman Putra PERKIM, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan pada 15 Februari, 1991 hingga sekarang (al-Ikhwah 2009: 15).

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif kajian yang hendak dicapai oleh kajian ini, iaitu:

- i. Mengenalpasti pendidikan yang dilaksanakan oleh IDIP dalam mendidik golongan *muallaf*.
- ii. Mengenalpasti latihan amali yang dilaksanakan oleh IDIP dalam melatih golongan *muallaf*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kuantitatif. Kajian ini bertujuan mengenalpasti pendidikan dan latihan amali yang dilaksanakan oleh IDIP. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 100 orang *muallaf* di PERKIM Pusat, Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik. Bagi mendapatkan data, satu set soal selidik telah disediakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan demografi responden dan pendidikan serta latihan amali yang dilaksanakan oleh IDIP.

Untuk tujuan menganalisis data, penulis menggunakan pakej *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) versi 20. Data diolah secara deskriptif untuk menunjukkan maklumat dalam bentuk jadual dengan menggunakan min, mod, peratusan dan *frequency*.

PENGAJIAN DI IDIP

Bagi golongan *muallaf* dan anak-anak *muallaf* yang ingin melanjutkan pelajaran di IDIP mestilah memohon dengan mengisi BORANG PERMOHONAN BELAJAR IDIP. Borang-borang yang telah lengkap diisi bolehlah menghantar terus permohonan atau melalui penaja biasiswa kepada pihak pengurusan IDIP. Hanya calon-calon yang layak sahaja akan diberikan jawapan melalui pengiraman surat tawaran atau dihubungi

melalui talian. Secara umumnya, seperkara yang penulis ingin jelaskan di sini ialah berkaitan syarat sijil kelulusan atau kemasukan pengajian di IDIP tidaklah begitu ketat. Kelulusan dan umur tidak dikira asalkan memiliki minat yang mendalam untuk menyambung pengajian dan mendalami ilmu agama Islam.

Setiap pelajar *muallaf* yang datang akan diterima sebagai pelajar tanpa mengira latar belakang, kelulusan akademik dan taraf kewangan. Semua pelajar akan dijamin hak mereka untuk mempelajari dan mendalami Islam sebagai panduan kehidupan mereka (Laporan Tahunan PERKIM 2012: 79).

PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DI IDIP

Program pembangunan pendidikan di IDIP bersesuaian dengan objektif penubuhan IDIP untuk memberi pendidikan Islam secara formal kepada Saudara Baru dan anak-anak mereka dengan tujuan supaya golongan *muallaf* dapat memahami dan menghayati Islam sebagai satu cara hidup dan dapat mengajar dan menyebarkan Islam di kalangan anggota masyarakat mereka sendiri (al-Ikhwah 2009: 15).

Berpandukan objektif penubuhan IDIP di atas, program pendidikan di IDIP menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar kecuali bagi mata pelajaran al-Quran dan Bahasa Arab. Penekanan pendidikan diberikan kepada melahirkan peribadi Muslim sejati yang prihatin atas agama dan umat serta terlatih dalam kerja-kerja dakwah dan pengurusan. Penilaian pelajar-pelajar berdasarkan kepada kehadiran kuliah, kepatuhan kepada peraturan dan penghayatan dan kerja kursus dan peperiksaan. Manakala, pelajar-pelajar yang memenuhi syarat-syarat dan lulus peperiksaan yang diadakan oleh Pusat Pengajian akan dianugerahkan Sijil mengikut kursus yang diikuti (al-Ikhwah 2009: 15).

1. Pengajian Islam

Kursus Pengajian Islam yang ditawarkan di IDIP terbahagi kepada tiga peringkat, antaranya ialah:

a. Kursus Persediaan Pengajian Islam (KPPI)

Kursus Persediaan Pengajian Islam (KPPI) merupakan program pengajian yang memberi peluang kepada saudara kita yang tidak mempunyai kemampuan dan tidak

bersedia untuk mengikuti sistem pengajian Islam secara formal di IDIP. Kursus ini menyediakan asas pengajian Islam yang minima kepada seseorang pelajar sebelum meneruskan pengajian ke program berikutnya. Kursus ini berjalan selama 4 bulan tetapi jika seseorang pelajar ingin melanjutkan tempoh pengajiannya di peringkat ini terakluk kepada persetujuan Pengetua IDIP selama tempoh pengajiannya tidak melebihi dua semester (Laporan Tahunan PERKIM 2011: 105).

b. Sijil Asas Pengajian Islam (SAP)

Sijil Asas Pengajian Islam (SAP) merupakan program pengajian yang menawarkan pendidikan asas pengajian Islam kepada saudara kita selama setahun (2 semester) bagi membolehkan mereka mengenali dan mengamal cara hidup Islam yang sebenar. Mereka akan didedahkan dengan asas-asas ilmu fardu ain, al-Quran dan tajwid, sirah dan pengetahuan asas bahasa Arab. Kelayakan mengikuti SAP mestilah lulus daripada KPPI yang ditawarkan sebelum ini kecuali bagi pelajar-pelajar yang sudah memiliki sijil PMR atau kelulusan yang setaraf dengannya termasuklah penilaian Pengetua IDIP (Laporan Tahunan PERKIM 2011: 105).

c. Sijil Pengajian Islam (SPI)

Sijil Pengajian Islam (SPI) adalah program pengajian peringkat sijil yang telah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Kurikulum kursus disemak dan digubal selaras dengan kehendak dan garis panduan yang ditetapkan oleh MQA. Bagi pelajar-pelajar yang ingin mengikuti pengajian ini mestilah memiliki SPM sekurang-kurangnya mendapat satu kepujian atau lulus daripada mengikuti SAP yang ditawarkan oleh IDIP sebelum ini (Laporan Tahunan PERKIM 2011: 105).

2. Kemahiran Hidup

Selain daripada kursus pengajian Islam yang ditawarkan oleh IDIP kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajiannya di IDIP terdapat juga kemahiran hidup yang ditawarkan bagi memberi pendedahan kepada para pelajar khususnya saudara baru mengenai ilmu duniawi. Antara ilmu kemahiran yang ditawarkan ialah ilmu berkaitan

komputer seperti word, excel, power point dan beberapa asas pencarian maklumat menggunakan internet. Selain daripada itu, kursus vokasional seperti menjahit dan bertukang turut ditawarkan yang dikendalikan oleh para pensyarah Institut Latihan dan Perindustriaan Kota Bharu (ILPKB) bertujuan mendidik saudara baru dalam bidang kemahiran hidup (al-Ikhwah 2010).

3. Akademik

IDIP menyediakan kemudahan kursus persediaan awal bagi pelajar-pelajar yang ingin menduduki peperiksaan SPM dan STPM dengan mengadakan kelas bimbingan akademik untuk membolehkan para pelajar melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara. Antara subjek yang ditawarkan ialah Matematik, Bahasa Inggeris, Sejarah, Sains, Bahasa Melayu, Prinsip Akaun, bagi peringkat SPM manakala Pengajian Am, Sastera dan Bahasa Melayu pula bagi peringkat STPM. Pemberian elaun bagi guru-guru yang mengajar subjek seperti yang dinyatakan dibiayai sepenuhnya oleh tabung kebajikan IDIP itu sendiri tanpa mengenakan bayaran daripada pelajar-pelajar yang mengikuti kelas tersebut (al-Ikhwah 2010: 15-16).

Menurut laporan, dari tahun 1975 sehingga 2012, seramai 2,061 orang telah mengikuti pengajian mereka di IDIP daripada pelbagai suku kaum di Malaysia dan juga pelajar-pelajar dari luar negara. Walau bagaimanapun, tidak semua pelajar menamatkan pendidikan mereka hingga ke tahap akhir kerana sebahagiannya berhenti kerana berkahwin, bekerja dan sebahagiannya gagal memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi meneruskan pengajiannya di IDIP (al-Ikhwah 2009-2012).

DEMOGRAFI RESPONDEN

Demografi responden golongan *muallaf* yang dimaksudkan dalam kajian ini terdiri daripada umur, jantina, bangsa, tahun memeluk Islam, status perkahwinan dan kelulusan akademik. Demografi responden adalah penting untuk mengetahui beberapa maklumat penting berhubung dengan kajian.

1. Umur

Maklumat mengenai umur responden golongan *muallaf* di IDIP dipaparkan dalam Jadual 4.1. Umur responden dikategorikan kepada enam peringkat iaitu 18 tahun ke bawah, 19-25 tahun, 26-30 tahun, 31-35 tahun, 36-40 tahun dan 41 tahun ke atas. Hasil kajian menunjukkan daripada jumlah 100 responden, paling banyak ditunjukkan oleh responden yang berada dalam kumpulan umur 19-25 tahun iaitu sebanyak 61% (61 orang) diikuti dengan kumpulan 18 tahun ke bawah iaitu sebanyak 18% (18 orang). Manakala responden yang paling kecil bilangannya ialah kumpulan 41 tahun ke atas iaitu sebanyak 2% (2 orang) diikuti dengan kumpulan 31-35 tahun sebanyak 3% (3 orang) dan kumpulan 36-40 tahun sebanyak 4% (4 orang) dan selebihnya kumpulan 26-30 tahun mewakili 12% (12 orang). Kajian menunjukkan golongan *muallaf* dalam kumpulan 19-25 tahun paling ramai mengikuti pengajiannya di IDIP. Manakala yang paling sedikit ialah dalam kumpulan 41 tahun ke atas. Walau bagaimanapun, berdasarkan Jadual 1.1 didapati bahawa pihak pengurusan IDIP tidak meletakkan umur sebagai salah satu syarat jika seseorang *muallaf* ingin menyambung pelajarannya di IDIP. Asalkan memiliki minat yang tinggi dan kesediaan untuk ditarbiyah maka dialu-alukan mengikuti pengajiannya di IDIP.

Jadual 1.1 Taburan umur responden golongan *muallaf* di IDIP

Kategori umur responden	Kekerapan (F)	Peratus (%)
18 tahun ke bawah	18	18
19-25 tahun	61	61
26-30 tahun	12	12
31-35 tahun	3	3
36-40 tahun	4	4
41 tahun ke atas	2	2
Jumlah	100	100

Sumber: Soal Selidik, 2014

2. Jantina

Dari segi jantina, hasil kajian menunjukkan sebahagian besar responden golongan *muallaf* di IDIP terdiri daripada perempuan iaitu sebanyak 57 peratus. Manakala

jumlah responden golongan *muallaf* lelaki adalah sebanyak 43 peratus. Ini menunjukkan responden golongan *muallaf* perempuan merupakan majoriti dalam hasil kajian iaitu berjumlah 57 orang daripada 100 orang responden golongan *muallaf* yang sedang mengikuti pengajiannya di IDIP (Jadual 1.2). Dalam kajian ini, golongan *muallaf* perempuan lebih berminat mendalami pengajian Islam di IDIP berbanding golongan *muallaf* lelaki.

Jadual 1.2 Taburan jantina responden golongan *muallaf* di IDIP

Kategori jantina responden	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Lelaki	43	43
Perempuan	57	57
Jumlah	100	100

Sumber: Soal Selidik, 2014

3. Bangsa

Dari segi kategori bangsa, hasil kajian menunjukkan etnik Sabah dan Orang Asli mendahului bilangan golongan *muallaf* yang belajar di IDIP. Seramai 30 orang (30%) mewakili etnik Sabah, manakala Orang Asli berjumlah 29 orang (29%) daripada jumlah keseluruhan jumlah responden. Diikuti bangsa-bangsa lain seperti etnik Sarawak seramai 13 orang (13%), bangsa India 11 orang (11%), bukan warganegara sebanyak 9 orang (9%) dan bangsa Cina sebanyak 8 orang (8%). Hasil kajian menunjukkan bilangan golongan *muallaf* yang paling ramai di IDIP adalah bangsa etnik Sabah dan hampir sama dengan bangsa Orang Asli. Manakala golongan *muallaf* yang paling sedikit bilangannya ialah bangsa Cina (Jadual 1.3).

Jadual 1.3 Taburan bangsa responden golongan *muallaf* di IDIP

Kategori bangsa responden	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Cina	8	8
India	11	11
Etnik Sarawak	13	13
Etnik Sabah	30	30
Orang Asli	29	29
Bukan Warganegara	9	9
Jumlah	100	100

Sumber: Soal Selidik, 2014

4. Tahun Memeluk Islam

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh golongan *muallaf* di IDIP berkaitan tahun memeluk Islam (Jadual 1.4), majoriti dari responden iaitu sebanyak 39 orang (39%) responden telah memeluk Islam antara 2-3 tahun, seramai 24 orang responden (24%) memeluk Islam dalam tempoh setahun ke bawah, manakala seramai 20 orang (20%) memeluk Islam antara 4-5 tahun dan berbaki 17 orang responden (17%) memeluk Islam enam tahun ke atas. Tempoh memeluk Islam antara 2-3 tahun sudah memadai sebagai penilai jika diri seseorang *muallaf* mempunyai minat dan cenderung kepada agama Islam.

Jadual 1.4 Taburan tahun memeluk Islam responden golongan *muallaf* di IDIP

Kategori tahun memeluk islam responden	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Setahun ke bawah	24	24
2-3 tahun	39	39
4-5 tahun	20	20
6 tahun ke atas	17	17
Jumlah	100	100

Sumber: Soal Selidik, 2014

5. Status Perkahwinan

Hasil kajian, Jadual 1.5 menunjukkan majoriti daripada responden adalah bujang iaitu sebanyak 92 orang responden (92%), seramai 7 orang responden (7%) sudah berkahwin dan seorang responden (1%) adalah duda/janda. Sangat relevan jika terdapat perbezaan yang sangat ketara dari segi jumlah status perkahwinan golongan *muallaf* yang sedang mengikuti pelajarannya di IDIP. Dari segi logik akal nya, golongan *muallaf* bujang tidak disibukkan dengan pelbagai masalah seperti mencari nafkah untuk menyara dan menguruskan hal keluarga. Fokus dan tumpuannya hanya tertumpu kepada pelajaran semata-mata.

Jadual 1.5 Taburan status perkahwinan responden golongan *muallaf* di IDIP

Kategori responden	status perkahwinan	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Bujang		92	92
Berkahwin		7	7
Duda/Janda		1	1
	Jumlah	100	100

Sumber: Soal Selidik, 2014

6. Kelulusan Akademik

Hasil kajian berkaitan kelulusan akademik menerusi gambaran dalam Jadual 1.6, golongan *muallaf* di IDIP didapati tahap-tahap kelulusan akademik yang berbeza. Majoriti responden iaitu sebanyak 74 orang responden (74%) berkelulusan SPM/PMR/SRP, diikuti 15 orang responden (15%) sampai pada tahap UPSR/Penilaian Darjah 5, manakala 10 orang responden (10%) mempunyai diploma/STPM dan seorang responden (1%) memiliki Ijazah. Ini bererti sebanyak 74% berpeluang menyambung pelajarannya di peringkat yang lebih tinggi selepas tamat pengajiannya di IDIP.

Jadual 1.6 Taburan kelulusan akademik responden golongan *muallaf* di IDIP

Kategori responden	kelulusan akademik	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Ijazah		1	1
Diploma/STPM		10	10
SPM/PMR/SRP		74	74
UPSR/Penilaian Darjah 5		15	15
	Jumlah	100	100

Sumber: Soal Selidik, 2014

Dalam Jadual 1.7, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat satu responden sahaja yang berkelulusan ijazah iaitu di kalangan bangsa Cina, manakala di peringkat diploma pula sebanyak 10 responden yang terdiri di kalangan etnik Sabah (5 orang), Orang Asli (2 orang) dan masing-masing seorang responden di kalangan Cina, India dan etnik Sarawak. Seterusnya, bagi kelulusan pendidikan di peringkat

SPM/PMR/SRP bangsa Orang Asli berada di kedudukan yang tertinggi iaitu sebanyak 24 orang, diikuti dengan etnik Sabah (22 orang), etnik Sarawak (10 orang), bangsa India (9 orang), bukan warganegara (7 orang) dan bangsa Cina (2 orang). Bagi responden yang berkelulusan UPSR/Penilaian Darjah 5, bangsa Cina mendahului bangsa lain dengan 4 orang, etnik Sabah dan Orang Asli masing-masing 3 orang, etnik Sarawak dan bukan warganegara masing-masing 2 orang dan bangsa India hanya seorang sahaja.

Jadual 1.7 Taburan kelulusan akademik responden mengikut bangsa

Bangsa	Kelulusan akademik				Jumlah
	Ijazah	Diploma/STPM	SPM/PMR/SRP	UPSR/Penilaian Darjah 5	
Cina	1	1	2	4	8
India	0	1	9	1	11
Etnik Sarawak	0	1	10	2	13
Etnik Sabah	0	5	22	3	30
Orang Asli	0	2	24	3	29
Bukan Warganegara	0	0	7	2	9
Jumlah	1	10	74	15	100

Sumber: Soal Selidik, 2014

PENDIDIKAN DAN LATIHAN YANG DILAKSANAKAN OLEH IDIP

Bagi penentuan parameter tahap pengukuran skor min terhadap pendidikan dan latihan yang dilaksanakan oleh IDIP dapat dijelaskan seperti dalam jadual 1.8.

Jadual 1.8 Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistik

Skor min	Interpretasi
1.00-5.00	Rendah
5.01-10.00	Sederhana rendah
10.01-15.00	Sederhana tinggi
15.01-20.00	Tinggi

Sumber: Norasmah Othman, 2001

Pendidikan

Terdapat 25 item pembolehubah digunakan bagi mengukur pendidikan yang dilaksanakan oleh IDIP terhadap golongan *muallaf*. Bahagian tersebut pula terbahagi kepada 5 sub-bahagian. Item C1 hingga C5 adalah pembolehubah bagi mengukur pendidikan terhadap al-Quran, item C6 hingga C10 mengukur pendidikan terhadap akidah, item C11 hingga C15 mengukur pendidikan terhadap fiqh, manakala item C16 hingga C20 mengukur pendidikan dari aspek akhlak dan item C21 hingga C25 mengukur pendidikan terhadap sirah Nabi SAW. Memberikan pendidikan kepada golongan *muallaf* memainkan peranan penting dalam meningkatkan kefahaman terhadap agama Islam khususnya terhadap penyesuaian diri dalam masyarakat.

Hasil kajian dari aspek pendidikan yang dilaksanakan oleh IDIP, Jadual 1.9 menunjukkan bahawa item pembolehubah bagi mengukur pendidikan terhadap al-Quran memberikan respon yang positif iaitu sebilangan besar daripada responden memberikan jawapan 'setuju' dan 'sangat setuju'. Majoriti responden iaitu sebanyak 91 orang responden (91%) sehingga 99 orang responden (99%) bersetuju terhadap 5 item pembolehubah bagi mengukur pendidikan terhadap al-Quran.

Seterusnya, item bagi mengukur pendidikan yang dilaksanakan oleh IDIP terhadap akidah sebanyak 98 orang responden (98%) sehingga 100 orang responden (100%) bersetuju terhadap 5 item pembolehubah yang ditanyakan bagi mengukur pendidikan terhadap akidah. Manakala, item bagi mengukur pendidikan terhadap fiqh sebanyak 99 orang responden (99%) sehingga 100 orang responden (100%) memberikan respon yang positif terhadap 5 item pembolehubah yang ditanyakan. Item bagi mengukur pendidikan terhadap akhlak pula, sebanyak 96 orang responden (96%) sehingga 99 orang responden (99%) bersetuju terhadap 5 item pembolehubah yang ditanyakan. Akhir sekali, bagi item pembolehubah terhadap pendidikan yang dilaksanakan oleh IDIP terhadap sirah Nabi SAW sebanyak 94 orang responden (94%) sehingga 99 orang responden (99%) yang bersetuju terhadap item pembolehubah yang ditanyakan kepada golongan *muallaf* di IDIP.

Dapatan kajian di atas menunjukkan bahawa majoriti responden dapat menguasai dan memahami set item pembolehubah yang ditanyakan kepada mereka. Perkara ini sangat penting kepada golongan *muallaf* supaya dengan adanya penguasaan dan kefahaman yang mendalam terhadap agama Islam dapatlah

membantu mereka dalam penyesuaian diri terhadap cabaran-cabaran yang dialami dalam masyarakat.

Jadual 1.9 Taburan pendidikan yang dilaksanakan oleh IDIP

BIL	PERKARA	Sangat tidak setuju F (%)	Tidak setuju F (%)	Setuju F (%)	Sangat setuju F (%)
(a) Al-Quran					
C1	Mempelajari al-Quran setiap hari	0 (0%)	1 (1%)	41 (41%)	58 (58%)
C2	Mengenali huruf hijaiyyah dan sebutannya	1 (1%)	1 (1%)	46 (46%)	52 (52%)
C3	Mengetahui hukum-hukum tajwid	1 (1%)	3 (3%)	43 (43%)	53 (53%)
C4	Menghafal surah-surah pilihan	0 (0%)	3 (3%)	48 (48%)	49 (49%)
C5	Memahami makna setiap ayat al-Quran	3 (3%)	6 (6%)	38 (38%)	53 (553%)
(b) Akidah					
C6	Mengetahui kewajipan mengucap dua kalimah syahadah	0 (0%)	2 (2%)	29 (29%)	69 (69%)
C7	Memahami rukun Islam dan rukun iman	0 (0%)	0 (0%)	29 (29%)	71 (71%)
C8	Mengenali 25 Nabi yang wajib diketahui	0 (0%)	0 (0%)	34 (34%)	66 (66%)
C9	Mengetahui konsep qada' dan qadar	0 (0%)	2 (2%)	31 (31%)	67 (67%)
C10	Mengetahui tentang syurga dan neraka	0 (0%)	0 (0%)	34 (34%)	66 (66%)
(c) Fiqh					
C11	Mengetahui konsep bersuci	0 (0%)	0 (0%)	36 (36%)	64 (64%)
C12	Mengetahui kewajipan bersolat	0 (0%)	0 (0%)	37 (37%)	63 (63%)
C13	Mengetahui konsep zakat	0 (0%)	1 (1%)	36 (36%)	63 (63%)
C14	Berpuasa pada bulan Ramadan	0 (0%)	0 (0%)	29 (29%)	71 (71%)
C15	Mengetahui rukun umrah dan haji	0 (0%)	1 (1%)	30 (30%)	69 (69%)
(d) Akhlak					
C16	Mengetahui tanggungjawab	0 (0%)	4 (4%)	31 (31%)	65 (65%)

		hamba kepada Allah SWT				
C17	Memahami	tanggungjawab terhadap orang lain	0 (0%)	2 (2%)	35 (35%)	63 (63%)
C18	Memahami	tanggungjawab anak kepada ibu bapa	0 (0%)	1 (1%)	30 (30%)	69 (69%)
C19	Memahami	tanggungjawab kepada perkembangan dakwah Islamiah	0 (0%)	2 (2%)	36 (36%)	62 (62%)
C20	Memahami	tanggungjawab kepada jiran dan masyarakat	0 (0%)	2 (2%)	41 (41%)	57 (57%)
		(e) Sirah Nabawi				
C21	Mempelajari	perjuangan dakwah Rasulullah SAW	0 (0%)	1 (1%)	47 (47%)	52 (52%)
C22	Menghafal	hadith-hadith Rasulullah SAW	2 (2%)	4 (4%)	45 (45%)	49 (49%)
C23	Mengenali	biografi Rasulullah SAW	0 (0%)	3 (3%)	40 (40%)	57 (57%)
C24	Menjadikan	Rasulullah SAW sebagai idola dan model hidup	0 (0%)	2 (2%)	39 (39%)	59 (59%)
C25	Sentiasa berselawat	ke atas Nabi SAW	0 (0%)	2 (2%)	38 (38%)	60 (60%)

Sumber: Soal Selidik, 2014

Menurut Julie Pallant, bagi mengira tahap skor hendaklah melihat kepada set jumlah item pembolehubah kali dengan skala 4 (iaitu skala jawapan yang digunakan 1 sehingga 4), berdasarkan pengiraan julat skor bagi empat komponen pendidikan yang dilaksanakan oleh IDIP terletak di antara 5 (skor 1 X 5 soalan) sehingga 20 (skor 4 X 5 soalan). Untuk itu, skor minimum sebanyak 5 dan skor maximum sebanyak 20 menjadi pengukur bagi tahap skor pendidikan yang dilaksanakan oleh IDIP (Julie Pallant 2001: 77-78). Dapatan kajian dalam Jadual 1.10 menunjukkan tahap skor pendidikan yang dilaksanakan oleh IDIP memberi kesan yang baik kepada golongan *muallaf* di IDIP.

Jadual 1.10 Tahap skor pendidikan yang dilaksanakan oleh IDIP

Perkara	Nilai min	Skor	Skor	Tahap
		minimum	maximum	
Al-Quran	17.41	5	20	Tinggi
Akidah	18.35	5	20	Tinggi
Fiqh	18.28	5	20	Tinggi
Akhlak	18.05	5	20	Tinggi
Sirah Nabawi	17.61	5	20	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 2014

Latihan Amali

Bagi mengukur latihan amali yang dilaksanakan oleh IDIP, terdapat 15 item pembolehubah yang digunakan dan item pembolehubah tersebut dibahagikan kepada 3 kategori. Antaranya ialah item C26 sehingga item C30 merujuk kepada pembolehubah bagi mengukur latihan amali terhadap ibadah. Manakala item C31 sehingga item C35 merujuk kepada pembolehubah bagi mengukur latihan amali terhadap ukhuwah/interaksi sosial dan item C36 sehingga item C40 merujuk kepada pembolehubah bagi mengukur latihan amali terhadap amalan berdakwah.

Hasil kajian dari aspek latihan amali yang dilaksanakan oleh IDIP, Jadual 1.11 menunjukkan bahawa item pembolehubah bagi mengukur latihan amali terhadap ibadah memberikan respon yang positif iaitu sebilangan besar daripada responden memberikan jawapan 'setuju' dan 'sangat setuju'. Majoriti responden iaitu sebanyak 98 orang responden (98%) sehingga 99 orang responden (99%) bersetuju terhadap 5 item pembolehubah bagi mengukur latihan amali terhadap ibadah.

Seterusnya, item bagi mengukur latihan amali yang dilaksanakan oleh IDIP terhadap ukhuwah/interaksi sosial sebanyak 98 orang responden (98%) sehingga 99 orang responden (99%) bersetuju terhadap 5 item pembolehubah yang ditanyakan kepada mereka. Akhir sekali, bagi item pembolehubah terhadap latihan amali yang dilaksanakan oleh IDIP terhadap amalan berdakwah sebanyak 98 orang responden (98%) sehingga 99 orang responden (99%) yang bersetuju terhadap item pembolehubah yang ditanyakan kepada golongan *muallaf* di IDIP.

Dapatan kajian di atas menunjukkan bahawa majoriti responden dapat melaksanakan 15 set item pembolehubah yang ditanyakan kepada mereka berkaitan dengan latihan amali yang dilaksanakan oleh IDIP. Perkara ini sangat penting kepada

golongan *muallaf* supaya dengan adanya pelaksanaan dan pengamalan dalam diri golongan *muallaf* terhadap latihan amali yang dilaksanakan oleh IDIP dapatlah membantu mereka dalam penyesuaian diri terhadap cabaran-cabaran yang dialami dalam masyarakat.

Jadual 1.11 Taburan latihan amali yang dilaksanakan oleh IDIP

BIL	PERKARA	Sangat tidak setuju F (%)	Tidak setuju F (%)	Setuju F (%)	Sangat setuju F (%)
(a) Ibadah					
C26	Mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan	0 (0%)	1 (1%)	43 (43%)	56 (56%)
C27	Menunaikan solat lima waktu secara berjemaah	0 (0%)	2 (2%)	39 (39%)	59 (59%)
C28	Berpuasa wajib	0 (0%)	1 (1%)	34 (34%)	65 (65%)
C29	Membaca al-Quran setiap hari	0 (0%)	2 (2%)	36 (36%)	62 (62%)
C30	Mendengar ceramah/tazkirah agama	0 (0%)	1 (1%)	38 (38%)	61 (61%)
(b) Ukhuwah/Interaksi Sosial					
C31	Mentaati kedua ibu bapa	0 (0%)	0 (0%)	34 (34%)	66 (66%)
C32	Menolong rakan-rakan dalam kesusahan	0 (0%)	1 (1%)	38 (38%)	61 (61%)
C33	Membantu masyarakat dalam kesusahan	0 (0%)	0 (0%)	41 (41%)	59 (59%)
C34	Memuliakan guru-guru yang mengajar ilmu agama/akademik	0 (0%)	0 (0%)	38 (38%)	62 (62%)
C35	Menghormati jiran tetangga	0 (0%)	2 (2%)	38 (38%)	60 (60%)
(c) Amalan Berdakwah					
C36	Berdakwah kepada masyarakat bukan Muslim	0 (0%)	2 (2%)	40 (40%)	58 (58%)
C37	Menjalankan usaha dakwah kepada masyarakat Muslim	0 (0%)	1 (1%)	44 (44%)	55 (55%)
C38	Menyeru manusia mentauhidkan Allah SWT	0 (0%)	0 (0%)	40 (40%)	60 (60%)
C39	Menasihati manusia agar tidak melakukan kemungkaran	0 (0%)	0 (0%)	39 (39%)	61 (61%)
C40	Mengingatkan manusia agar melakukan suruhan Allah SWT	0 (0%)	0 (0%)	37 (37%)	63 (63%)

Sumber: Soal Selidik, 2014

Dapatan kajian dalam Jadual 1.12 menunjukkan tahap skor latihan amali yang dilaksanakan oleh IDIP memberi kesan yang tinggi kepada golongan *muallaf* di IDIP. Perkara ini dapat dibuktikan melalui jawapan yang diberikan oleh responden terhadap 15 item pembolehubah yang ditanyakan kepada mereka.

Jadual 1.12 Tahap skor latihan amali yang dilaksanakan oleh IDIP

Perkara	Nilai min	Skor minimum	Skor maximum	Tahap
Ibadah	17.96	5	20	Tinggi
Ukhuwah/interaksi sosial	18.05	5	20	Tinggi
Amalan berdakwah	17.94	5	20	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 2014

KESIMPULAN

Peranan Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) dalam menguruskan hal ehwal *muallaf* sangat penting dalam mendidik dan memberikan pengetahuan asas tentang agama Islam kepada mereka. Apa yang menarik ialah setiap *muallaf* yang memohon untuk menyambung pelajarannya di IDIP akan diterima sebagai pelajar tanpa mengira latar belakang, kelulusan akademik dan taraf kewangan. Semua pelajar yang diterima belajar di IDIP akan dijamin hak mereka untuk mendalami agama Islam. IDIP memainkan perannya khusus kepada pembangunan pendidikan golongan *muallaf* itu sendiri sesuai dengan objektif penubuhan IDIP iaitu memberi pendidikan Islam secara formal kepada saudara baru dan anak-anak mereka dengan tujuan supaya golongan *muallaf* dapat memahami dan menghayati Islam sebagai satu cara hidup dan dapat mengajar dan menyebarkan Islam di kalangan anggota masyarakat mereka sendiri. Seperti yang telah dijelaskan di atas, pembangunan pendidikan dan latihan amali *muallaf* di IDIP tertumpu kepada pengajian Islam di samping diberikan pendedahan ilmu kemahiran hidup kepada mereka sebagai alat untuk meneruskan survival hidup setelah tamat pengajiannya di IDIP. Bagi golongan *muallaf* yang berminat meneruskan pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi seperti diploma dan sebagainya, IDIP menyediakan kemudahan kursus bagi pelajar-pelajar yang ingin menduduki peperiksaan SPM dan STPM dengan mengadakan kelas tuisyen untuk membolehkan golongan *muallaf* melanjutkan pelajaran di tempat lain.

Hasil daripada peranan IDIP di atas, maka lahirlah tokoh-tokoh pendakwah, pensyarah atau pengurus yang dianggotai dalam kalangan *muallaf*. Kewujudan mereka di tengah-tengah masyarakat menjadi bukti keberkesanan didikan dan latihan amali dakwah yang diamalkan di IDIP. Antara tokoh yang boleh diketengahkan dalam masyarakat ialah Ustaz Mohd Farid Ravi Abdullah yang sering keluar di kaca televisyen bahkan menjadi kebanggaan dalam kalangan *muallaf* kerana satu-satunya wakil dari kalangan *muallaf* yang menjadi hakim tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa setakat ini.

RUJUKAN

- Aisyah Jami'an. 2005. Penghayatan di kalangan saudara baru India di Kuala Lumpur. Tesis Sarjana Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar Puteh. 2011. Kefahaman dan amalan ajaran Islam dalam kalangan saudara baru masyarakat Siam di Kelantan. Dlm. Razaleigh Muhamat@Kawangit (pnyt). *Isu-isu Pengurusan Saudara Muslim*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM.
- Anuar Puteh. 1999. Program kefahaman Islam saudara baru Cina di Kuala Lumpur. Tesis Sarjana Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Ikhwah. 2010. *Institut Dakwah Islamiah PERKIM*. Kelantan: IDIP
- al-Ikhwah. 2009. *Institut Dakwah Islamiah PERKIM*. Kelantan: IDIP
- Ku Md Ali Bin Ku Ramli. 1997. Dakwah kepada saudara baru: satu kajian mengenai pendekatan dalam aspek bimbingan dan kebajikan. Tesis Sarjana Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Laporan Tahunan PERKIM. 2012. *Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM Kebangsaan Kali Ke-52 Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Penerbit PERKIM
- Laporan Tahunan PERKIM. 2011. *Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM Kebangsaan Kali Ke-51 Perak*. Kuala Lumpur: Penerbit PERKIM
- Mariam Abdul Majid. 2011. Mualaf di negeri Selangor Darul Ehsan: kajian tentang kepuasan diri dalam kehidupan Islam. Tesis Dr. Fal, Jabatan Pengajian Dakwah dan Pembangunan Insan Universiti Malaya.
- Mohamad Zaid Bin Mohd Zain. 2004. Kesan pengajaran dan pendidikan agama di kalangan saudara baru: kajian di PERKIM Negeri Sembilan. Tesis Sarjana Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohamed Asin Dollah & Mohamed Yusoff Hussain. 1993. Konversi agama pengertian dan bentuknya. Dlm. Mohamed Yusoff Hussain et. al. (pnyt). *Isu-isu Dalam Usuluddin dan Falsafah*. Bangi: UKM.
- Noraizan Binti Abdul Ghani. 2007. Keberkesanan kurikulum bimbingan saudara baru Orang Asli di Jabatan Agama Islam Pahang. Tesis Sarjana Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norasmah Othman. 2001. Keberkesanan program keusahawanan remaja di sekolah menengah. Tesis Dr. Fal, Universiti Putra Malaysia.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao. 2013. Program dakwah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) kepada saudara Muslim: kajian tentang persepsi dan keberkesanannya. Tesis Dr. Fal Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao. 2009. Cabaran psikologi saudara baru: kajian di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Tesis Sarjana Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Kareelawati Binti Abd Karim. 2002. Metodologi dakwah kepada saudara baru: kajian khusus di Darul Arqam Singapura. Tesis Sarjana Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosmani Binti Hussin. 2004. Modul bimbingan saudara baru: kajian di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK). Tesis Sarjana Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM.